

CIRI LOGIK AYAT MAJALAH DEWAN KOSMIK: SATU ANALISIS TEORI SYARAT BENAR

Zul Hanis Yop Othman & Hanis Izrin Mohd Hassan
Universiti Putra Malaysia

Nabillah Bolhassan
Kolej Universiti Teknologi Sarawak

Corresponding Author's Email: nabillah@ucts.edu.my

Article History:

Received: 16 November 2020

Accepted: 29 September 2021

Published: 5 October 2021

ABSTRAK

Kajian ini berkaitan ciri logik ayat dalam majalah dalam Dewan Kosmik satu analisis teori syarat benar. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti ayat yang memiliki ciri logik dalam majalah Dewan Kosmik serta menganalisis ayat yang memiliki ciri logik dalam majalah Dewan Kosmik menggunakan teori Syarat Benar. Kajian ini turut memberi penambahan ilmu dan maklumat tentang semantik logik yang kurang diketengahkan dan kurang menjadi pilihan pengkaji di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kajian analisis teks dan kaedah kepustakaan. Kaedah analisis teks adalah berdasarkan majalah Dewan Kosmik jilid 22 bilangan 8 tahun 2014 terbitan dewan Bahasa dan Pustaka dengan menggunakan teori syarat benar. Kajian ini berfokus kepada ayat yang mempunyai ciri logik iaitu ayat tersebut mempunyai prinsip kesahihan makna sesuatu bahasa yang diujarkan ataupun ditulis. Di samping itu, turut memberi penumpuan kepada pengkajian makna yang ditinjau dari aspek kebenaran. Dapatan kajian mendapati terdapat enam jenis ayat yang mempunyai ciri semantik logik diuraikan yang memenuhi ciri ayat kebenaran yang telah dijelaskan. Melalui kajian ini, pengkaji akan dapat membantu masyarakat untuk mendapatkan kesahihan makna yang munasabah atau logik di fikiran manusia serta kajian ini turut melihat penghuraian makna secara logik yang dapat diterapkan dalam pengkajian berkaitan semantik logik selain daripada teori logik simbolik.

Kata Kunci: Ayat, Semantik, Teori Syarat Benar, Ciri Logik, Linguistik

THE FEATURES OF LOGIC SENTENCES IN DEWAN KOSMIK MAGAZINE: ANALYSIS OF TRUE CONDITION (SYARAT BENAR) THEORY

ABSTRACT

This study is about the logical features of sentences in Dewan Kosmik Magazine based on theoretical analysis of true conditions. The objective of the study is to identify and analyze sentences that contain logical features in Dewan Kosmik Magazine using the theory of True Condition (Syarat Benar). This study also provides additional knowledge and information on logical semantics which is less highlighted and preferred by researchers in Malaysia. This study uses text analysis research method. The method of text analysis is based on the Dewan Kosmik Magazine Volume 22 Number 8 of 2014 published by Dewan Bahasa dan Pustaka using the theory of True Condition. This study focuses on sentences that contain logical feature and the sentence that applying principle of validity of the meaning of a language spoken or written. In addition, it also focuses on the study of meaning which is viewed from the aspect of truth. The findings of the study found that there are six types of sentences that have

the semantic features of elaborated logic that meet the characteristics of truth sentences that have been explained. Through this study, researchers will be able to help society to obtain the validity of reasonable or logical meaning in the human mind and this study also views at the logical description of meaning that can be applied in studies related to logical semantics other than symbolic logic theory.

Keywords: *Sentence, Semantic, True Condition Theory, Logical Features, Linguistic*

PENGENALAN

Semantik merupakan salah satu bidang linguistik selain daripada fonologi, morfologi dan sintaksis. Bidang semantik memberi penumpuan kepada aspek makna atau erti yang terdapat dalam sesuatu bahasa sama ada peringkat kata, frasa, klausa atau ayat. Makna sesuatu bahasa itu dapat dilihat melalui tulisan mahupun ujaran.

Menurut Jaludin Chuchu (2008), istilah semantik berasal daripada sepatah kata Yunani Kuno 'sema' yang bermaksud isyarat. Perkataan itu seterusnya menerbitkan kata 'semainein' yang bermaksud bererti. Bidang semantik sudah lama menarik perhatian para pengkaji bahasa. Penyusunan kamus dan hasil kajian tatabahasa secara tradisional menjadi buktinya. Selanjutnya, Abu Bakar Hamid (1967) mengatakan bahawa kajian mengenai makna telah lama dilakukan oleh ahli-ahli bahasa dan falsafah sejak zaman Yunani dan Romawi lagi. Sejarah semantik moden pula bermula dari abad kesembilan belas. Menurut Siti Hajar Abdul Aziz (2009), semantik ditakrifkan sebagai bidang yang mengkaji tentang aspek makna dalam bidang linguistik yang menganalisis makna dalam kata, morfem, frasa, ayat dan wacana.

Semantik merupakan bidang yang penting dan wajar dikaji serta diterokai. Hal ini kerana proses komunikasi sesuatu bahasa hanya dikatakan berjaya apabila makna yang ingin disampaikan kepada pendengar atau pembaca dapat difahami sebagaimana yang kita kehendaki. Dengan kata lain, makna yang harus ditafsirkan ialah makna yang sebenarnya terkandung dalam sesuatu rangsangan bahasa (Zulkifley Hamid et al. 2007). Oleh itu, pengkajian makna akan menambahkan lagi ilmu pengetahuan individu terhadap sesuatu bahasa yang pastinya mempunyai makna sama ada tersurat atau tersirat. Jika makna yang disampaikan melalui tulisan atau ujaran tidak difahami secara mendalam, maka proses komunikasi sesuatu bahasa itu dianggap gagal.

Terdapat pelbagai jenis pengkajian semantik yang boleh diteroka oleh para pengkaji. Antaranya pengkajian semantik dan tatabahasa, semantik lakuan pertuturan, semantik syarat benar, semantik logik atau semantik dan pragmatik. Kepelbagaian jenis semantik ini menunjukkan bahawa ilmu bidang semantik semakin berkembang dari zaman Yunani dan Romawi hingga pada masa ini. Walau bagaimanapun, pengkaji hanya memilih semantik logik sahaja untuk dibincangkan dalam kajian ini kerana pengkajian tentang semantik logik didapati kurang diketengahkan oleh para pengkaji di Malaysia.

Semantik logik merupakan satu pendekatan untuk melihat makna yang sama seperti, atau memiliki syarat-syarat kebenaran mereka. Selain itu, pendekatan semantik ini cuba merungkai makna bahasa semula jadi (Zaitul Azma, 2015). Perkataan 'logik' itu sendiri merujuk kepada makna yang dapat diterima oleh akal, masuk di akal, atau munasabah (Dewan Bahasa Edisi Keempat, 2005). Oleh itu, secara jelasnya juga semantik logik merupakan pengkajian untuk melihat makna ayat yang dapat diterima akal atau munasabah pada pemikiran manusia.

Nor Hashimah Jalaluddin (2001), dalam kajian beliau yang bertajuk *Semantik, Pragmatik dan Leksikografi* berfokus kepada kelingkaran makna serta cara masalah tersebut dapat diatasi dengan pendekatan ilmu semantik dan pragmatik. Perkataan *ejek*, *mengejek*, *mengejekkan* mempunyai definisi yang sama dalam Kamus Dewan Edisi Pertama, Edisi Cetakan Kedua (dengan tambahan) dan Edisi Ketiga. Begitu juga dengan entri *zalim*. Malah bagi entri *zalim* definisinya telah diringkaskan dalam Kamus Dewan Edisi Ketiga (1994). Daripada 17 kata rujukan berlingkar bagi perkataan *zalim* dalam Kamus Dewan Edisi Pertama berubah menjadi 19 dalam Kamus Dewan Edisi Cetakan Kedua, dan dikurangkan kepada 9 sahaja dalam Kamus Dewan Edisi Ketiga. Hal ini membawa kepada kelingkaran makna dan saling rujukan yang lebih ringkas dan lebih pendek. Walau bagaimanapun, ternyata kelingkaran makna tetap berlaku. Menurut pengkaji, semantik dan pragmatik yang menggabungkan

teori komponen makna dan teori relevans mampu membantu menyelesaikan masalah takrifan yang menjadi masalah utama ahli leksikografi. Teori ini berupaya mengurangkan peratusan kelingkaran makna dalam kamus Melayu. Manfaat kajian ini kepada penyelidik adalah memberi input kepada penyelidik untuk menganalisis data menggunakan teori yang bersesuaian.

S. Nathesan (2003), dalam kajiannya bertajuk *Teori Semantik dan Kajian Kepustakaan Terhadap Semantik Leksikal* berfokus kepada perkembangan bidang semantik dengan meneliti sejarah pertumbuhan ilmu semantik serta teori semantik yang dipelopori oleh pengkaji bahasa. Menurut beliau, antara ahli bahasa terawal yang mengemukakan teori tentang semantik ialah Ferdinand de Saussure, ahli filologi Switzerland. Seterusnya, Trier yang merupakan ahli linguistik Jerman telah memelopori satu lagi teori makna yang dikembangkan melalui karyanya. Trier (Darwis, 1994:3) telah mengembangkan gagasan de Saussure berdasarkan pandangan budayawan Jerman, iaitu J.G. von Herder dan ahli falsafah Jerman W. von Humbolt lalu mengemukakan gagasannya yang terkenal, iaitu Teori Medan Makna. Firth pula telah mengemukakan teori makna yang dikenali sebagai teori semantik kontekstual manakala Goodenough dianggap melopori pendekatan analisis komponen makna atau analisis komponensial. Seterusnya, berdasarkan tinjauan kepustakaan yang dilakukan untuk meninjau kajian semantik leksikal bahasa Melayu, hasil dapatan kajian mendapati bahawa penulisan tentang semantik leksikal yang bersifat kajian adalah amat kurang pada tahun 1970-an dan 1980-an. Namun, kajian terhadap semantik mula menyerlah selepas tahun 1980-an, khususnya di Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaya yang banyak menghasilkan tesis dan latihan ilmiah berkaitan ilmu semantik. Kajian ini memberi pertambahan ilmu kepada pengkaji mengenai perkembangan kajian semantik serta berkaitan teori semantik. Walau bagaimanapun, teori syarat benar tidak diketengahkan dalam kajiannya.

Nor Azuwan Yaakob dan Arbak Othman (2006), dalam kajiannya bertajuk *Maklumat Leksikal dalam Struktur Kasus dan Argumen dalam Penulisan Berita* berfokus kepada peranan yang dimainkan oleh fitur semantik beberapa kata bahasa Melayu dari segi kasus dalaman dan jumlah argumen yang timbul dalam struktur ayat pada aras permukaan. Konsep fitur semantik kata kerja digunakan dalam kajian ini. Dapatan kajian mendapati bahawa representasi semantik dalam bahasa berita mengandaikan keperluan asas iaitu suatu set variabel yang mewakili set objek yang dirujuk oleh ujaran dan fitur predikat hendaklah disubkelaskan mengikut jumlah argumennya kepada predikat setempat, predikat dua tempat dan sebagainya. Jumlah argument yang dicadangkan seeloknya dua. Pembahagian fitur predikat kepada subkelas yang lain boleh sahaja dibuat oleh jenis-jenis argumen yang diambilnya: argument yang mewakili objek benar, fakta, proposisi, objek parasit atau parameter objek. Di samping itu, representasi semantik perlu sentiasa dikaitkan dengan representasi permukaan sintaksis. Kajian ini memberi input kepada pengkaji dalam menghuraikan data.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti ayat yang memiliki ciri logik dalam majalah Dewan Kosmik.
2. Menganalisis ayat yang memiliki ciri logik dalam majalah Dewan Kosmik menggunakan teori syarat benar.

METODOLOGI KAJIAN

Teori digunakan untuk menghuraikan makna seobjektif yang mungkin. Oleh itu, pengkaji menggunakan teori syarat benar dalam menganalisis ayat yang mempunyai ciri semantik logik. Berdasarkan penelitian Zaitul Azma (2015), teori semantik syarat benar cuba untuk menghurai makna suatu proposisi yang diberikan dengan menjelaskan apabila ayat itu adalah benar. Contohnya, 'salji itu putih' adalah benar jika dan hanya jika salji itu putih, bermaksud 'salji itu putih' ialah salji adalah putih.

Kaedah yang berkesan untuk pengumpulan data bergantung kepada objektif sesuatu kajian. Oleh itu, terdapat dua kaedah yang digunakan untuk mencapai objektif kajian ini iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks. Pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan untuk mendapatkan maklumat tentang semantik logik seperti mengenal pasti definisi, penerangan dan teori yang digunakan

tokoh-tokoh bahasa dan para ilmuan yang membuat kajian tentang semantik logik. Selain itu, kaedah kepustakaan ini juga digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang sorotan kajian yang telah dibuat oleh para pengkaji terdahulu yang mengkaji semantik logik. Pengkaji melakukan proses pembacaan dan seterusnya meneliti dan menelaah input yang bersesuaian dengan kajian yang dilakukan. Kaedah kepustakaan telah dijalankan di Perpustakaan Sultan Abdul Samad Universiti Putra Malaysia (UPM), Wisata Minda (UPM), Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (UKM). Setelah kaedah kepustakaan dijalankan, proses pengumpulan segala maklumat dilakukan dan mengaplikasikan segala maklumat yang diperoleh dalam kajian. Kaedah analisis teks pula dilakukan untuk meneliti setiap ciri ayat yang memiliki ciri logik dalam majalah Dewan Kosmik jilid 22 tahun 2014 terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka dan menganalisisnya dengan menggunakan teori syarat benar.

Pengkaji menggunakan majalah Dewan Kosmik Jilid 22 Bilangan 8 tahun 2014 sebagai bahan kajian. Majalah ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Dewan Kosmik diterbitkan setiap bulan sejak Januari 1993. Intisari majalah ini berfokus kepada bidang sains dan teknologi.

Kertas kerja ini hanya tertumpu kepada kajian ayat yang mempunyai ciri-ciri logik. Contoh ayat-ayat yang berunsur logik dipilih melalui penelitian dalam majalah Dewan Kosmik Jilid 22 Bilangan 8 tahun 2014 sahaja.

PERBINCANGAN

Semantik logik berfokus kepada prinsip-prinsip kesahihan makna sesuatu bahasa yang diujarkan mahupun ditulis. Selain itu, bidang semantik logik memberi penumpuan kepada pengkajian makna yang ditinjau dari sudut kebenaran iaitu makna yang munasabah atau logik di fikiran manusia.

Kebeneran sesuatu ayat yang merujuk kepada ayat yang mempunyai makna logik ditandai dengan tiga ciri iaitu ayat yang subjeknya memang terdapat di dunia. Seterusnya, ayat yang memerlukan pengetahuan dan pengalaman pendengar atau pembaca untuk membuktikan bahawa predikatnya adalah salah satu sifat nama yang dipunyai oleh subjeknya, perbuatan yang dilakukan oleh subjeknya atau nama yang memang boleh dikaitkan dengan subjeknya. Selanjutnya, ciri ayat benar atau logik ialah ayat yang predikatnya tidak perlu dibuktikan lagi kebenaran untuk subjeknya.

Berdasarkan majalah Dewan Kosmik yang dipilih, pengkaji memilih enam jenis ayat yang mempunyai ciri semantik logik untuk dihurai. Selain itu, kesemua ayat yang dipilih juga memenuhi salah satu ciri ayat kebenaran yang telah dijelaskan.

... madu juga merupakan sumber makanan

(hlm. 10)

Ayat tersebut memenuhi ciri ayat kebenaran yang subjeknya terdapat di dunia. Penggunaan perkataan 'madu' dikategorikan sebagai subjek ayat tersebut. Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), madu merupakan cecair manis yang terdapat dalam sarang lebah dan bunga. Lebah dan bunga sememangnya terdapat di dunia yang berupaya mengeluarkan cecair manis yang bukan sahaja boleh dimakan, bahkan berkhasiat untuk kesihatan tubuh manusia.

Oleh itu, 'madu juga merupakan sumber makanan' adalah benar jika dan hanya jika madu tersebut boleh dimamah, ditelan atau dihisap ke dalam mulut. Madu juga logik dikatakan sebagai sumber makanan jika dan hanya jika terdapat manusia yang menjadikan madu sebagai sumber makanan atau secara jelasnya memakan madu. Di samping itu, madu yang merupakan subjek ayat adalah sah sebagai sumber makanan jika dan hanya jika madu tersebut tidak mengandungi racun. Hal ini kerana bahan yang mempunyai racun tidak dikategorikan sebagai sumber makanan kerana boleh memudaratkan kesihatan manusia dan boleh meragut nyawa manusia.

Meja lebih mudah digerakkan apabila berada pada permukaan yang lebih licin

(hlm. 27)

Contoh ayat tersebut juga tergolong dalam ciri ayat logik yang subjeknya terdapat di dunia. 'Meja' adalah subjek ayat yang sememangnya wujud di dunia ini. Meja merupakan perkakas perabot yang diperbuat daripada papan, batu marmar atau plastik yang berkaki, rata permukaannya dan mempunyai banyak fungsi (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Meja dicipta oleh manusia di muka bumi ini untuk dijadikan sebagai tempat menulis, makan dan sebagainya.

Berdasarkan teori syarat benar, 'meja lebih mudah digerakkan apabila berada pada permukaan yang lebih licin' adalah benar jika dan hanya jika meja tersebut hanya digerakkan di permukaan yang tidak kesat, tidak mengerutu, dan sama rata. Ayat tersebut diterima akal kerana permukaan yang licin tiada daya geseran yang menyekat atau melambatkan pergerakan meja. Oleh itu, logik jika meja lebih mudah digerakkan di permukaan yang tiada daya geseran berbanding meja yang digerakkan di permukaan yang mempunyai daya geseran seperti di permukaan yang kesat, mengerutu dan tidak sama rata.

...guru mengajar dan menyantuni anak saya

(hlm. 4)

Ayat tersebut tergolong dalam ciri ayat kebenaran yang memerlukan pengetahuan dan pengalaman pendengar atau pembaca untuk membuktikan bahawa predikatnya merupakan salah satu sifat nama yang dipunyai oleh subjeknya, perbuatan yang dilakukan oleh subjeknya atau nama yang memang boleh dikaitkan dengan subjeknya. Guru yang merupakan subjek ayat tersebut merupakan orang yang mengajar, pendidik, pengajar dan pengasuh (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005).

'... guru mengajar dan menyantuni anak saya' adalah benar jika dan hanya jika individu yang bergelar guru itu benar-benar menyampaikan ilmu pengetahuan kepada orang lain. Ayat tersebut juga sah jika dan hanya jika guru itu terbukti atau dilihat sedang mendidik, melatih dan memberikan petunjuk kepada orang lain atau membaiki kelakuan dengan memberi nasihat dan ilmu. Oleh itu, kenyataan ayat ini logik pada pemikiran jika kesemua perbuatan seperti mendidik, melatih, memberi ilmu dan nasihat benar-benar dilakukan oleh individu yang digelar sebagai seorang guru.

... doktor pakar yang telah belajar selama bertahun-tahun dan menjalani latihan perubatan di hospital

(hlm. 3)

Ayat tersebut juga merupakan ayat logik yang memerlukan pengetahuan dan pengalaman pendengar atau pembaca. 'Doktor pakar' merupakan subjek ayat. Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), mengatakan bahawa individu yang digelar doktor merupakan individu yang berkelayakan atau bertauliah mengamalkan perubatan. 'Pakar' pula merujuk kepada makna ahli yang mahir atau pandai sekali dalam sesuatu ilmu.

Ayat '...doktor pakar yang telah belajar selama bertahun-tahun' adalah benar jika dan hanya jika kesemua doktor pakar di dunia ini benar-benar mempelajari ilmu kedokteran lebih daripada setahun dua. Ayat tersebut juga sah atau logik jika memang terbukti semua doktor pakar mempunyai latar belakang pendidikan kedokteran dan telah belajar selama beberapa tahun sebelum mempunyai pengalaman bekerja sebagai seorang doktor. Selanjutnya, 'doktor pakar menjalani latihan perubatan di hospital' adalah benar jika dan hanya jika kesemua doktor pakar di muka bumi ini benar-benar mengikuti latihan perubatan di hospital sahaja, bukannya di klinik. Ayat tersebut juga benar jika memang sah para doktor menjalani latihan perubatan di hospital ketika masih menuntut sebagai pelajar mahupun telah bekerja sebagai doktor.

Musytari merupakan planet...

(hlm. 6)

Musytari diciptakan oleh Tuhan. Musytari merupakan planet terbesar dalam sistem suria. Kewujudan planet yang dinamakan sebagai Musytari telah diperakui oleh ahli astronomi yang mengkaji ilmu tentang bintang, planet, bulan dan matahari. Dari sudut teori syarat benar, 'Musytari merupakan planet' adalah benar jika dan hanya jika diakui dan diterima masyarakat bahawa terdapat planet lain

yang wujud selain daripada planet bumi dan planet selain daripada bumi itu digelar Musytari. Contoh ayat tersebut logik kerana berdasarkan pengetahuan pembaca atau pendengar, terdapat planet yang dinamakan sebagai Musytari dan planet tersebut memang tidak boleh disangkal lagi kewujudannya kerana telah dikaji oleh ahli astronomi.

...alam ini diciptakan oleh Tuhan

(hlm. 35)

Contoh ayat tersebut tidak perlu dibuktikan lagi kebenarannya. Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), alam merupakan dunia, segala yang ada di langit dan di bumi. ‘...alam ini diciptakan oleh Tuhan’ adalah benar jika dan hanya jika alam ini diciptakan oleh Tuhan yang satu sahaja. Alam ini juga terbukti diciptakan oleh Tuhan kerana tidak ada satu makhluk pun di atas alam ini berupaya dan dapat membuktikan keupayaannya mencipta bumi selain daripada Tuhan. ‘...alam ini diciptakan oleh Tuhan’ juga benar jika dan hanya jika kesemua manusia di muka bumi ini teguh dan mempercayai bahawa hanya Tuhan sahaja yang mencipta alam semesta.

KESIMPULAN DAN IMPLIKASI

Makna logik terdiri daripada tiga ciri ayat kebenaran yang dapat membuktikan bahawa sesuatu ayat itu tidak boleh dipertikaikan lagi logiknya. Makna logik juga boleh dibuktikan dengan menggunakan teori syarat benar. Seterusnya, pemilihan diksi dan olahan ayat sangat penting dalam menghasilkan penulisan atau pertuturan yang mempunyai makna logik atau munasabah di fikiran. Sekiranya diksi atau olahan ayat tidak bersesuaian, kejelasan makna yang ingin disampaikan akan terjejas dan kabur sekaligus menimbulkan makna tidak logik. Selain itu, ayat atau ungkapan yang memiliki ciri logik mempunyai makna manakala ayat atau ungkapan yang tidak logik dianggap tidak mempunyai makna dan tidak diterima masyarakat pengguna sesebuah bahasa. Kajian ini memberi pertambahan ilmu dan maklumat tentang semantik logik yang kurang diketengahkan dan kurang menjadi pilihan pengkaji di Malaysia. Dengan adanya kajian ini, maka semakin bertambah lagi dokumentasi dan bahan cetakan tentang semantik logik yang boleh dijadikan sumber maklumat dan rujukan di masa hadapan. Selain itu, pengkajian semantik logik meningkatkan kesedaran pengguna bahasa agar menggunakan diksi serta ayat yang bersesuaian agar dapat memberi makna logik berbanding makna tidak logik yang tidak diterima oleh masyarakat penutur sesebuah bahasa. Selanjutnya, kajian ini juga dapat melihat penghuraian makna secara logik menggunakan teori syarat benar yang dilihat sesuai diterapkan dalam pengkajian berkaitan semantik logik selain daripada teori logik simbolik.

BIODATA

Zul Hanis Yop Othman merupakan pelajar PhD Bahasa Melayu (UPM).

Hanis Izrin Mohd Hassan merupakan pelajar M.A Bahasa Melayu (UPM).

Nabillah Bolhassan merupakan pensyarah Kolej Universiti Teknologi Sarawak.

RUJUKAN

- Abu Bakar Hamid. (1967). *Rencana Linguistik Penyunting Abdullah Hassan 1983*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jaludin Chuchu. (2008). *Semantik dan Pengajaran Bahasa*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Maslida Yusof. (2006). *Representasi Semantik Preposisi dalam Kata Kerja Bahasa Melayu*. Jurnal Pengajian Melayu, Volume 17.

- Mohd Zulkanién Sarbini. (2021). *Peluasan Kata Bebas: Analisis Semantik Kognitif*. International Young Scholars Journal of Languages. Volume 4.
- Mukhtar, Khalil. (2006). *Semantik*. Pekan Baru: Cendikia Insani.
- Nathesan, S. (2003). *Teori Semantik dan Kajian Kepustakaan Terhadap Semantik Leksikal*. Jurnal Bahasa, Volume 3.
- Nor Azuwan Yaakob & Arbak Othman. (2006). *Maklumat Leksikal dalam Struktur Kasus dan Argumen dalam Penulisan Berita*. Jurnal Bahasa, Volume 5, No.4.
- Norfazila Ab. Hamid. (2014). *Peluasan Semantik Kata Sifat Ringan: Satu Analisis Model Jaringan Langacker (1988)*. Jurnal Melayu, Bilangan 13.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2001). *Semantik, Pragmatik dan Leksikografi*. Jurnal Bahasa, Volume 1, No.3.
- Zulkifley Hamid, Ramli Md. Salleh dan Rahim Aman. (2007). *Linguistik Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2006). *Penyerapan Ilmu Semantik dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Mengajar dan Belajar Bahasa Melayu, 274-295. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.